

ADUAN INTEGRITI TERMASUK SUAPAN / SOGOKAN

MBSP komited dalam mewujudkan ruang pemberitahuan maklumat yang selamat bagi kes integriti termasuk suapan/sogokan yang berlaku serta menjamin kerahsiaan maklumat pengadu.

Pemberitahuan maklumat adalah suatu perbuatan secara sukarela dan suci hati melapor apabila mendapati, mendengar, melihat, menyaksikan berlakunya suapan / pelanggaran Dasar Integriti / Sistem Pengurusan Anti Suapan MBSP (ABMS) yang dilakukan oleh warga MBSP.

Dasar Pemberi Maklumat dilaksanakan dengan tujuan untuk:

1. Menyediakan saluran untuk pihak pekerja dan orang awam untuk mendedahkan sebarang aktiviti yang mempunyai unsur suapan atau pelanggaran Dasar Integriti / Sistem Pengurusan Anti Suapan MBSP (ABMS).
2. Menyediakan kaedah supaya pendedahan dapat ditangani dengan cara yang efektif
3. Memberi perlindungan kepada pemberi maklumat daripada sebarang ancaman / tindakbalas dan merahsiakan identiti pemberi maklumat.
4. Memberi layanan secara adil kepada kedua-dua pihak (pemberi maklumat dan orang yang diadu).

Sebarang Pemberian Maklumat boleh dikemukakan melalui saluran seperti berikut:

1. E-mail - whistleblower@mbsp.gov.my

2. Surat yang dialamatkan kepada:

Ketua Unit Integriti
Tingkat 14, Majlis Bandaraya Seberang Perai
Jalan Perda Utama, Bandar Perda
14000 Bukit Mertajam.

3. Telefon ditalian:
04-5391622 – Encik Mohd Hairol bin Man

4. Secara bersemuka dengan Ketua Unit Integriti, MBSP

Pemberi maklumat perlu menyatakan nama, nombor kad pengenalan dan nombor telefon yang boleh dihubungi. Pemberi Maklumat hendaklah menyatakan butir-butir diri orang yang terlibat, jenis dakwaan, masa dan tempat kejadian serta lain-lain bukti sokongan yang berkaitan, jika ada.

Pihak Pengurusan MBSP berhak untuk menyalurkan Pemberian Maklumat yang dibuat kepada saluran aduan berkaitan yang lain jika pendedahan tersebut tidak termaktub di bawah dasar ini.